

PERMIT PENJAJA RAMADAN 2024 MDSB

1. Borang permohonan boleh didapati bermula **RABU 17 JANUARI 2024**. Borang dijual pada harga RM2.00 dan boleh didapati di kaunter Jabatan Pelesenan MDSB atau boleh dimuat turun di <http://mdsb.gov.my>. Pemohon mestilah warganegara Malaysia, berumur 18 tahun ke atas, sihat tubuh badan dan tiada berpenyakit berjangkit.
2. **Pengembalian** borang permohonan, bayaran fi permit serta penentuan petak niaga adalah mengikut zon kawasan seperti tarikh berikut:
 - 2.1. **Sekinchan** : 30, 31 Januari 2024 (Selasa & Rabu);
 - 2.2. **Sungai Besar** : 5, 6, 7 Februari 2024 (Isnin, Selasa & Rabu);
 - 2.3. **Sabak** : 14, 15, 16 Februari 2024 (Rabu, Khamis & Jumaat);
 - 2.4. **Parit Baru dan lain-lain tapak / kawasan** : Isnin 19 Februari hingga Jumaat 23 Februari 2024 (TARIKH TUTUP PERMOHONAN).
3. Konsep perniagaan:
 - 3.1. Gerai / khemah / payung dan semua perkakas jualan hendaklah dikosongkan dari tapak perniagaan selepas habis waktu permit perniagaan.
 - 3.2. Tempoh masa perniagaan adalah dari 2:30 petang hingga 9:00 malam.
4. Lokasi & Fi Bayaran:
 - 4.1. Tapak Bazar Ramadan:
 - A. **Sekinchan** (hadapan pasar awam) - 66 petak;
 - B. **Sungai Besar** (Jalan Bunga Matahari) - 100 petak;
 - C. **Sabak** (Jalan Dataran Usahawan) - 156 petak;
 - D. **Parit Baru** (Dataran Tanah Lesen) - 48 petak.

Nota:

 - (i) **Untuk tapak bazar Sabak, tiada aktiviti perniagaan bazar Ramadan pada setiap Jumaat kerana tapak digunakan untuk pasar malam. Peniaga diberi pengurangan fi permit RM20.00;**
 - (ii) **MDSB tidak lagi menyediakan kemudahan khemah kepada peniaga-peniaga bazar Ramadan.**
 - 4.2. Fi permit:
 - (A) Tapak Bazar Ramadan:
 - i. **RM120 sepetak** (kategori makanan / minuman siap bermasak),
[Untuk **tapak bazar Ramadan Sabak**, fi permit adalah **RM100.00** sepetak]
 - ii. **RM150 sepetak** (Kategori memasak/membakar atau yang menghasilkan sampah berat).
[Untuk **tapak Bazar Ramadan Sabak**, fi permit adalah **RM130.00** sepetak]
 - (B) **Lain-lain tapak :**
RM60 sepetak (Tapak penjaja sedia ada, premis persendirian, kakilima kedai dan tempat- tempat awam yang sesuai).

Untuk pertanyaan, sila berhubung ke 0332241655/1000 sambungan 143/144/145 atau ke lesenMDSB@gmail.com

- *Urusetia: Jabatan Pelesenan MDSB.*



مجلس دائيره سابك برنم

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM
45300 SUNGAI BESAR SELANGOR DARUL EHSAN
Tel: 03 3224 1655/1000 Fax: 03 3224 2766/5339
E-mel: aduan@mdsb.gov.my Website: <http://www.mdsb.gov.my>

Borang ini dijual
dengan harga

RM 2.00

NOMBOR BORANG

BORANG PERMIT PENJAJA RAMADAN 2024

SYARAT PERMOHONAN :

FI BAYARAN :

<ol style="list-style-type: none">Isi dan lengkapkan satu salinan sahaja;Pemohon mestilah warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas, sihat tubuh badan & tiada penyakit berjangkit;Tempoh permit ialah selama bulan Ramadan 2024 berlangsung;Sila sertakan dokumen berikut:<ol style="list-style-type: none">Salinan kad pengenalan;Salinan sijil suntikan anti-tifoid; danSalinan sijil kursus pengendalian makanan.Pemohon dibenar untuk satu lokasi sahaja.	<p>(A) TAPAK BAZAR RAMADAN:</p> <ol style="list-style-type: none">Kategori minuman / makanan siap bermasak: RM120.00;Kategori memasak / membakar atau yang menghasilkan sampah berat (ayam golek, ikan bakar, air tebu, air kelapa dll): RM150.00 (Tapak bazar Sabak diberi pengurangan RM20 kerana tiada aktiviti jualan bazar Ramadan pada setiap Jumaat) <p>(B) LAIN-LAIN LOKASI: (tapak persendirian, kakilima premis, tapak penjaja sedia ada, dll) - RM 60.00</p> <p>(C) Untuk Bazar Ramadan Sg Besar, seorang peniaga dibenarkan untuk SATU petak sahaja.</p>
---	---

MAKLUMAT PERMOHONAN:

NAMA	
NO. KP	
NO. TELEFON	
ALAMAT RUMAH	
LOKASI TAPAK NIAGA YANG DIPOHON	
BARANGAN JUJALAN	BIL. PETAK :

KATEGORI: MAKANAN / MINUMAN SIAP BERMASAK

MEMBAKAR/PENGHASILAN SAMPAH BERAT

<p align="center">PERAKUAN PEMOHON</p> <p>Saya dengan ini mengaku akan patuh kepada syarat dan sekatan yang dikenakan oleh MDSB kepada saya dan MDSB berhak melucuthak cagaran, membatalkan permit atau mengambil tindakan mengikut Akta dan Undang-Undang Kecil yang berkaitan untuk sebarang pelanggaran syarat yang berlaku.</p>	<p>(TANDA TANGAN PEMOHON & TARIKH)</p>
--	--

UNTUK DIISI DAN DISAHKAN OLEH MDSB

71493	PERMIT PENJAJA BULAN RAMADAN	RM	
Nombor Petak atau Lokasi Tapak Diperolehi	Pengesahan Pemohon	Pengesahan Petugas Kaunter	Tarikh

(Salinan Pemohon – sila simpan untuk rujukan)

Nombor Petak atau Lokasi Petak Diperolehi	Pengesahan Pemohon	Pengesahan Petugas Kaunter	Tarikh
---	--------------------	----------------------------	--------

SYARAT-SYARAT PERMIT PENJAJA RAMADAN

1. Pemegang permit adalah **tertakluk** kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976; Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah-Sarap (Majlis Daerah Sabak Bernam) 2007; Undang-undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Sabak Bernam) 2007 dan lain-lain arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) dari semasa ke semasa;
2. Pemegang permit mestilah **warganegara Malaysia berumur 18 tahun** ke atas dan tidak menghidap sebarang penyakit berjangkit;
3. Permit ini hendaklah sentiasa **dipamerkan** semasa menjalankan perniagaan dan pemegang permit yang gagal berbuat demikian boleh dikenakan tindakan kompaun;
4. Pemegang permit adalah **dilarang menyewakan** premis / tapak kepada pihak lain. Jika berlaku, pihak MDSB boleh membatalkan permit, melucut hak cagaran dan tindakan kompaun boleh dikenakan kepada pemegang permit.
5. Keluasan satu (1) petak ialah 3 meter x 3 meter (10 kaki X 10 kaki);
6. Hanya payung atau khemah kecil **tidak melebihi** saiz 3 m X 3 m sahaja dibenarkan dan segala perkakasan niaga dan khemah hendaklah dikosongkan dari tapak niaga setiap kali habis berniaga. Waktu perniagaan ialah dari **3:00 petang** hingga **9:00 malam**;
7. Pengendali / pekerja hendaklah memakai **pakaian sopan menutup aurat** dan menjaga tingkah laku supaya bersopan dan beradab semasa menjalankan perniagaan;
8. Pengendali makanan adalah diwajibkan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan dan mendapatkan **suntikan anti-tifoid** dan telah **menjalani Kursus Pengendali Makanan**;
9. Pemegang permit hendaklah **menjaga kebersihan** diri serta pakaian, memastikan peralatan perniagaan dalam keadaan baik dan sentiasa menggunakan **air yang bersih** untuk membasuh peralatan;
10. Pengendali makanan diwajibkan memakai **pelitup muka, apron, tudung kepala** dan **kasut** ketika menjalankan perniagaan;
11. Pemegang permit **tidak dibenarkan** menghalang atau mengganggu kelancaran arus lalu lintas kenderaan dan pergerakan bebas pejalan-pejalan kaki;
12. Pemegang permit hendaklah sentiasa **menjaga kebersihan tapak perniagaan**. Semua sisa buangan/sampah-sarap hendaklah **dimasukkan** ke dalam **beg/karung plastik serta diikat kemas** bagi memudahkan proses pengutipan / pembuangan;
13. Pemegang permit **dilarang** menyebabkan kacau ganggu dalam bentuk asap, bau, haba, pancaran, bunyi dan sebagainya kepada orang ramai dan persekitaran;
14. MDSB berhak **melucut hak cagaran** atau **membatalkan** permit ini dan mengambil tindakan di atas kegagalan mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa; dan
15. Denda **RM20.00** untuk penggantian akan dikenakan ke atas kehilangan permit.

PERAKUAN TERIMAAN SYARAT

Saya

No K/P dengan ini mengaku telah menerima satu salinan syarat permit penjaja Ramadan pada

.....
Pemegang Permit

.....
Saksi

Tarikh:

Tarikh: